



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

## Soal Qurbān

Tahir Ahmad Ulu Langat Selangor meminta sedikit penjelasan tentang binatang sembelihan – qurbān yang biasa dikerjakan oleh orang Islam pada Hari Raya Haji.

Jawab: Memilih binatang korban pada Hari Raya Haji adalah suatu sunat muakad sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī daripada Ibnu ‘Umar bahawa memilih binatang qurbān pada Hari Raya Haji adalah suatu perbuatan sunat.

Lebih tegas lagi Nabi (SAW) bersabda sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Tabrānī:

*Al-adhā ‘alā farīdatun wa ‘alaykum sunnah ( berqurban – binatang-binatang yang disembelih itu-adalah menjadi fardhu atasku dan sunat itu atas kamu)*

Dengan tujuan menggalakkan ummatnya supaya menumbangkan (memilih) qurban pada Hari Raya Haji, Junjungan kita (SAW) bersabda:

*An awwal ma nabda’u man yawmina hadhā an nuṣallī thumma narji ‘i fa nanḥar faman fa ‘ala faqad aşāba sunatuna*

Ertinya: “Pertama-tama yang akan kita kerjakan pada hari Ini (Hari Raya Haji) ialah kita sembahyang, kemudian kita balik, lalu kita memilih binatang-binatang korban, maka barang siapa mengerjakan (seperti itu) sesungguhnya ia telah menurut penjelasan kami.” – Hadis sahih riwayat Bukhārī.

Binatang-binatang korban yang pernah disembelih pada zaman Nabi (SAW)

Peringatan:

Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah berguna juga untuk panduan pembaca-pembaca.

ialah unta, lembu dan kambing, sebagaimana yang tersebut di dalam buah hadis yang diturunkan di bawah ini:

*‘An Anas qāla “dāḥā al-nabiyu ṣallā Allāh ‘alaihi wa salam bi qabashayni amlahīn agranayn.*

Ertinya: “Daripada Anas , katanya : nabi (SAW) pernah menyembelih qurbān dua ekor kambing biri-biri yang putih, yang bertanduk “ (riwayat Muslim)

Lagi satu ialah:

*‘An Jābir bin ‘Abdullāh qāla : naḥarnā ma ‘a rasulullāh ṣallā Allāh ‘alaihi wa salam ām al-hudaybiyyah ‘an sab‘at wa al-baqarah ‘an sab‘ah*

Ertinya: “ Daripada Jabir bin Abdullah, katanya: kami telah memilih qurban bersama-sama Rasulullah (SAW) pada tahun hudaibiyyah, seekor unta bagi tujuh orang dan seekor lembu bagi tujuh orang.” (riwayat Muslim)

Binatang qurban itu pula hendaklah yang sihat dan tidak cacat anggotanya sebagaimana yang diterangkan oleh hadis Hasan riwayat al-Tirmidhī dan Abū Dāwud;

*arba‘a la tajūzu fī al-adāḥā: al-awrā‘ bayna ‘awrahā wal marīdat bayna marīdahā wal ‘irjā‘ bayna ẓul‘ahā wal kasīr allatī la tanqā.*

Ertinya: “empat jenis binatang tidak boleh dijadikan qurbān: pertama yang buat sebelah matanya yang nyata butanya, keduanya-yang sakit yang nyata sakitnya, ketiga-yang timpang yang nyata timpangnya, dan keempat- yang lemah kakinya lagi kurus.”

(Sambungan pada muka 37)

(sambungan dari muka 5)

Selain itu ada suatu hadis yang menyeru hendaklah binatang korban itu diperiksa matanya jangan cacat dan telingga jangan terpotong.

Masa menyembelih korban hendaklah juga diketahui iaitu pada Hari Raya Haji lepas sembahyang hari raya dan boleh juga pada esok, lusa, dan tulatnya yakni dari hari raya 10 Dhulhijjah dan 11,12 serta 13 bulan haji itu. demikianlah yang tersebut dalam suatu riwayat daripada Sayyidina ‘Alī Karamallāhu Wajhah, dan demikian juga disebut oleh Imam al-Nawawī daripada Sayyidina ‘Alī di dalam syarah Muslim dan disebut juga daripada Jubayr bin Muṭ‘am, Ibn ‘Abbas, ‘Ata’, al-Hassan al-Baṣrī, ‘Umar ibn ‘Abdul Azīz, Sulaymān Bin Mūsā, al-Asadī, Makhlūl, Imam al-Shafī‘ī, Dāwud al-Zāharī dan lain-lain lagi.

Ada beberapa hadis yang menunjukkan masa menyembelih korban hendaklah dimulakan sesudah selesai sembahyang Hari Raya Haji. Di antaranya ialah hadis Anas:

*‘An Anas qāla, qāla al-nabiyyu ṣallā Allāh ‘alaihi wa salam yawm al-naḥar: man kana dhabha qābla ṣalāt falya ‘udda.*

Ertinya : “ Daripada Anas, katanya ; nabi (SAW) bersabda pada hari raya Qurban, barang siapa telah sebelum

(sambungan dari muka 4)

dengan tidak hanya habis dalam mesyuarat – tidak dilaksanakan.

Mudah-mudahan, jam‘iyyat akan dapat menunjukkan kepada ummat bahawa ia adalah sebenar-benarnya sebuah pertubuhan yang menyeru kepada Islam dan memberi petunjuk kepada ummat yang rosak akhlaknya dengan kebijaksaan – bukannya dengan jalan hanya mengata atau menyebut ini dan itu sedang anggota-anggotanya sendiri tidak menunjukkan contoh yang baik kepada ummat sama ada dalam akhlak, kelimpahan dan seumpamanya. Diharap benar supaya mereka mengadakan seruan kepada jalan Allah itu dengan himah, dengan kebaikan dan timbang rasa tidak dengan jalan gembar-gembur.

sembahyang (hari raya) maka hendaklah ia mengulangi sembelihannya.”

Yakni menyembelih lain korban lagi kerana sembelihan sebelum sembahyang hari raya tidak terhingung menjadi korban hanya sembelihan biasa juar.

Cara menyembelih qurban pula telah dijelaskan oleh beberapa hadis, di antaranya ialah hadis yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Anas:

*‘an Anas qāla: duḥā al-nabiyyu ṣallā Allāh ‘alaihi wa salam bakbashīn amlāḥayn aqraṇayn dhabḥāhumā biyadihi wa sammā wa kabbira wawaḍa’ rajiluhu ‘alā ṣāffāḥahumā.*

Ertinya: “Daripada Anas katanya: Rasulullah telah berqurban dua ekor kambing biri-biri putih yang bertanduk, ia menyembelih keduanya dengan tangannya sendiri sambil membaca bismillah dan bertakbir, dan ia letakkan kakinya atas batang leher keduanya. ”

Lagi suatu hadis sahih riwayat Muslim :

*‘an ‘Aishah... wa akhaddha al-kabsh fadja’ihi thumma dhabahu thumma qāla bismillāhi allahumma taqabbal min Muḥammad. Wa ala muḥammad wa min ummati Muḥammad thumma duḥā bih.*

Ertinya. “Daripada Aishah... Nabi pun mengambil kambing Itu lalu dibaringkan kemudian disembelih sambil berkata : Bismillah, Hai Tuhan! Terimalah ini daripada Muhammad dan keluarga Muhammad daripada umat Muhammad. Sesudah itu Baginda pun menyembelihnya.”

Sayogia diketahui daging binatang qurban selain daripada disedekahkan sebagiannya boleh pula dimakan sendiri dan disimpan beberapa hari sebagiannya daripada sebagaimana yang diterangkan oleh Junjungan kita dengan sabdanya :

*“...wa kulū wa taṣaddaqū wa istamta’ū wā bijulūdihā wa latabi ‘ūhā wa an aṭamtum min luḥūmuḥā shay’ūn a fa kulū annīshi tūm”.* Riwayat Ahmad.

Ertinya : “... Dan makanlah serta bersedekahlah kamu (akan dagingnya) dan gunakanlah kulitnya, jangan dijual akan dia. Sekiranya kamu diberikan makan daripada dagingnya maka makanlah seberapa kamu suka. ”